



SOALAN LAZIM

PROGRAM GRADUAN CEMERLANG GRADUATE EXCELLENCE PROGRAMME (GrEP 2023)

1. Apakah itu *Graduate Excellence Programme (GrEP)*?

Graduate Excellence Programme (GrEP) adalah program penajaan pelajaran berbentuk **Pinjaman Boleh Ubah (PBU)** di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) ke peringkat pascasiswazah (Sarjana dan Doktor Falsafah) di Institusi Pengajian Tinggi terkemuka dalam dan luar negara kepada siswazah cemerlang dalam bidang yang memberi impak yang besar kepada keperluan guna tenaga negara.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan Pinjaman Boleh Ubah?

PBU bermaksud keseluruhan pinjaman pelajaran yang diterima boleh dipertimbangkan bagi pengurangan bayaran balik berdasarkan prestasi akademik pelajar setelah tamat pengajian, tertakluk kepada dasar yang ditetapkan.

3. Adakah Program GrEP 2023 yang ditawarkan oleh MARA ini merupakan Biasiswa atau Pinjaman Boleh Ubah?

Program GrEP ialah pinjaman boleh ubah. Pelajar perlu membuat permohonan pengurangan bayaran balik setelah tamat pengajian kelak. Selain itu, pinjaman ini tidak dikenakan sebarang kadar faedah.

4. Apakah kursus dan syarat kelayakan untuk melayakkan saya memohon Program GrEP? Kursus dan syarat kelayakan Program GrEP boleh dirujuk pada garis panduan permohonan semasa permohonan dibuka.

5. Bagaimanakah cara untuk saya memohon Program GrEP?

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui Portal MARA <http://www.mara.gov.my> sebaik permohonan dibuka. Pemohon hendaklah mendaftar terlebih dahulu sebagai **pengguna baharu** sebelum mengisi borang permohonan. Pemohon juga dinasihatkan membaca dan memahami garis panduan yang disediakan sebelum membuat permohonan.

6. Bilakah permohonan akan dibuka?

Permohonan akan dibuka **bermula 23 Mei (Selasa) sehingga 06 Jun (Selasa)**.

7. Bolehkah saya memohon Program GrEP sekiranya Ibu/ Bapa/ Penjaga/ Penjamin saya telah disenarai hitam oleh MARA?

Tidak boleh. Ibu, ayah, penjaga, penjamin dan pemohon perlu bebas dari senarai hitam MARA.



SOALAN LAZIM

PROGRAM GRADUAN CEMERLANG GRADUATE EXCELLENCE PROGRAMME (GrEP 2023)

Pemohon dinasihatkan segera menyemak status senarai hitam di Bahagian Kawalan Kredit MARA sebelum memohon Program GrEP.

- 8. Sekiranya permohonan telah ditutup, adakah saya boleh memohon secara manual menggunakan surat permohonan?**

Permohonan secara manual tidak dibenarkan.

- 9. Jika saya tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tetapi saya ingin mencuba untuk memohon, adakah dibenarkan?**

Pemohon dinasihatkan untuk menyemak syarat kelayakan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan. Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan dan lengkap akan dipertimbang untuk tawaran Program GrEP.

- 10. Adakah saya perlu menduduki ujian psikometrik atau proses temuduga selepas memohon?**

Sebarang maklumat berkaitan ujian psikometrik atau proses temuduga akan dimaklumkan kepada pemohon dari semasa ke semasa melalui emel.

- 11. Apakah bentuk tajaan yang akan saya terima sekiranya ditawarkan dalam Program GrEP?**

Tajaan pinjaman pelajaran **dalam negara** merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup serta Elaun Pengangkutan. Elaun Pengangkutan (pergi & balik) hanya akan dibayar kepada pelajar Semenanjung Malaysia yang mendapat tawaran pengajian di Sabah/Sarawak atau pelajar Sabah/Sarawak yang mendapat tawaran pengajian di Semenanjung Malaysia.

Bagi pengajian **luar negara**, tajaan pinjaman pelajaran merangkumi Yuran Pengajian, Elaun Sara Hidup, Elaun Penempatan, Elaun Pengangkutan (pergi & balik), Visa dan Insurans.

- 12. Adakah permohonan pengajian ini terbuka secara separuh masa?**

Permohonan ini terbuka kepada pengajian secara **sepenuh masa** bagi peringkat dalam dan luar negara, manakala bagi pemohon yang sedang bekerja boleh dipertimbangkan untuk pengajian **separuh masa** di dalam negara dan akan dipertimbangkan bagi pinjaman yuran pengajian sahaja.



SOALAN LAZIM

PROGRAM GRADUAN CEMERLANG GRADUATE EXCELLENCE PROGRAMME (GrEP 2023)

13. Adakah saya perlu menghantar borang atau apa-apa dokumen selepas membuat permohonan?

Pemohon perlu terlebih dahulu mengisi dan melengkapkan permohonan secara dalam talian (online). Pemohon disarankan mencetak slip pengesahan permohonan untuk tujuan rujukan. Penghantaran dokumen hanya perlu dibuat sekiranya pihak MARA meminta pemohon berbuat demikian. Pemohon dinasihatkan untuk membuat semakan status permohonan di laman sesawang *myeduloan* dari semasa ke semasa.

14. Jika saya telah memiliki kelayakan Profesional (ACCA), bolehkah saya memohon pinjaman MARA bagi pengajian ke peringkat ijazah sarjana?

Pemohon yang telah memiliki kelayakan Profesional seperti ACCA, CIMA, ICAEW dan sebagainya adalah tidak layak untuk memohon pinjaman MARA bagi peringkat ijazah sarjana kerana kelayakan kedua-dua bidang tersebut adalah setara.

15. Sekiranya saya pernah memohon pinjaman pelajaran MARA yang lain seperti WTU, TESP atau PRO-P dan "Berstatus Hantar", apakah tindakan yang perlu saya lakukan sekiranya saya berminat untuk memohon Program GrEP?

Pemohon perlu menghantar emel di alamat; grepdn@mara.gov.my (dalam negara) atau grepln@mara.gov.my (luar negara) berserta nama dan Nombor Kad Pengenalan bagi membatalkan permohonan terdahulu yang berstatus "**hantar**" bagi membolehkan pelajar membuat dan menghantar permohonan GrEP.

16. Saya pernah mengemukakan permohonan sebelum ini, iaitu pada tahun 2022 namun tidak menghantar permohonan sebelum tarikh tutup yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, saya telah mengemaskini permohonan tersebut dan menghantarnya semula pada permohonan kali ini, apakah status permohonan saya?

Permohonan tersebut dikira sebagai permohonan baharu dan akan diproses sebagai permohonan tahun 2023 kerana pertimbangan MARA adalah mengambil kira tarikh permohonan dihantar berserta dokumen yang lengkap.



SOALAN LAZIM

PROGRAM GRADUAN CEMERLANG GRADUATE EXCELLENCE PROGRAMME (GrEP 2023)

- 17. Bagaimanakah dokumen-dokumen lampiran perlu dimuat naik (upload) ke dalam sistem semasa saya mengemukakan permohonan Program GrEP?**

Semua dokumen sokongan yang disenaraikan perlulah dimuat naik satu persatu dan disimpan (save) dalam format pdf sahaja. Format seperti .jpg, .word dan selainnya tidak dibenarkan untuk dimuat naik. **Permohonan yang tidak lengkap atau lewat tidak akan diproses.**

- 18. Berapakah saiz kapasiti maksimum fail bagi semua dokumen sokongan yang boleh dimuatnaik (upload) ke dalam sistem permohonan Program GrEP?**

Saiz kapasiti setiap fail yang boleh dimuat naik ke dalam sistem adalah **tidak melebihi 10MB**.

- 19. Sekiranya telah memuat naik dokumen ke sistem beberapa kali tetapi masih tidak berjaya, apakah yang perlu dilakukan?**

Pemohon dicadangkan supaya ke *history browser* dan memadam *history/cookies* bagi mendapatkan paparan yang lebih pantas dan terkini, sekiranya masih tidak boleh memuat naik dokumen, sila tukar ke *browser* lain yang biasa digunakan (contoh *browser* : firefox, mozilla, edge, internet explorer)

- 20. Adakah permohonan saya dianggap berjaya sekiranya status pada sistem menunjukkan status Pengesahan Lengkap?**

Setiap permohonan yang berstatus Pengesahan Lengkap telah melepas semakan dokumen dan dalam peringkat kelulusan peruntukan sebelum surat tawaran dapat dikeluarkan.

- 21. Bagaimanakah saya boleh membuat semakan keputusan permohonan Program GrEP?**

Segala status permohonan akan dikemas kini di sistem MyEduloan. Pemohon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di portal MARA; <http://www.mara.gov.my> dan emel masing-masing dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini. Sekiranya dalam tempoh 3 (tiga) bulan daripada tarikh tutup permohonan pelajar tidak menerima sebarang maklum balas daripada MARA, maka permohonan tersebut dianggap **Tidak Berjaya** dan keputusan adalah **muktamad**.



SOALAN LAZIM

PROGRAM GRADUAN CEMERLANG GRADUATE EXCELLENCE PROGRAMME (GrEP 2023)

22. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi di talian dan e-mel seperti berikut:-

Telefon : 03-2613 2103 / 2125/ 2075 (GrEP@ Luar Negara)

03-2613 2034 / 2048 / 2083 (GrEP@ Dalam Negara)

Emel : gredn@mara.gov.my (bagi permohonan dalam negara)

greln@mara.gov.my (bagi permohonan luar negara)

TAMAT